

# Perkongsiian awam-swasta kekal relevan bangunkan bandar lestari

BH 6/11/23 p 11

Oleh Dr Siti Mazwin Kamaruddin  
bhrencana@bh.com.my

**Baru-baru** ini, Hari Bandar Sedunia yang disambut setiap 31 Oktober anjuran Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-HABITAT) mengangkat tema 'Membiayai bandar lestari masa depan untuk semua' dan isu utama diketengahkan berkisar pembiayaan pembangunan bandar lestari.

Antara isu dibincangkan adalah bagaimana pembiayaan pembangunan boleh dijalankan secara berkesan, risiko dihadapi pihak kewangan dalam pembiayaan infrastruktur untuk bandar negara masih membangun serta perkongsian langkah diambil dalam pembiayaan pembangunan bandar.

Oleh itu, aspek pembiayaan pembangunan serta pengurusan kewangan untuk pembangunan bandar perlu diambil kira bagi memastikan sistem itu berjalan lancar dan berkesan supaya sebarang risiko boleh dijangka serta dapat ditangani sebaiknya.

Antara faktor terbabit dalam proses ini adalah mengambil kira suasana geopolitik dan sosial semasa, perancangan jangka masa panjang dan keperluan komuniti.

Pembiayaan dana untuk pembangunan di bandar amat diperlukan kerana bandar berfungsi sebagai enjin pembangunan ekonomi untuk pelbagai aktiviti komersial, kewangan, perkhidmatan dan

pengangkutan serta penempatan dan perumahan.

Di negara kita, proses pembangunan perancangan bandar sistematik dizahirkan melalui strategi perancangan pembangunan pada peringkat nasional, negeri dan tempatan, selaras Akta 172 (Akta Perancangan Bandar 1976).

Satu daripada pendekatan berkesan untuk pembiayaan pembangunan bandar ialah kaedah perkongsian awam-swasta. Perkongsian ini membolehkan bandar bekerjasama dengan pihak swasta dan pelabur yang mungkin sebahagian daripada komuniti dan pemegang taruh untuk membiayai pelbagai projek, daripada pengangkutan dan perumahan kepada kemudahan awam.

## Manfaatkan kepakaran rakan kongsi

Perkongsiian awam-swasta bukan sahaja menyediakan akses kepada modal tambahan, tetapi memanfaatkan kepakaran rakan kongsi sektor swasta. Kaedah pembiayaan pembangunan ini dilaksanakan secara berkesan di negara kita sejak 30 tahun lalu dan masih diguna pakai sehingga kini.

Pada 1981, kerajaan melalui Dasar Pensyarikatan Malaysia menetapkan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebagai urus setia projek kerjasama sektor awam dan swasta. Langkah ini untuk memastikan pengurusan penajaan ekonomi projek infrastruktur peringkat wilayah teratur, mengikut prosedur dan manfaat ekonomi serta sosial diraih melalui kesan penganda.

Dalam erti kata lain, model perkongsian awam-swasta ini berteraskan perbelanjaan pem-

binaan dibiayai sepenuhnya pihak swasta dan membabitkan perkongsian pelaburan, risiko, tanggungjawab serta ganjaran berteraskan objektif sama antara rakan kongsi.

Antara pembangunan menggunakan kaedah ini adalah Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Transit Aliran Ringan (LRT), Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pada 2009, proses perambahbaikan dari segi pengurusan pula meliputi perubahan unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri, berperanan sebagai agensi pusat membentuk jalinan kerjasama strategik sektor awam dan swasta melalui program memberi impak kepada ekonomi negara.

Antara projek pembangunan siap dengan kadar penghunian 90 peratus menggunakan kaedah ini adalah projek KL-Eco City, usaha sama swasta dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sebuah lagi projek pembiayaan pembangunan menggunakan perkongsian awam-swasta terkini yang bakal menjadi mercu baharu pusat kewangan dan perniagaan adalah TR Exchange (TRX).

Jelas di sini, cabaran dihadapi kawasan bandar hari ini memerlukan penyelesaian pembiayaan inovatif dan fleksibel. Inisiatif dipacu komuniti memajukan peranan membantu bandar mencapai matlamat pembangunan dan kelestarian.

Apabila pembandaran terus meningkat, usaha pembiayaan inovatif kekal jadi tema utama dalam pertumbuhan dan kemakmuran bandar kita.



Koordinator Program Sarjana Pembangunan dan Pengurusan Bandar, Kolej Alam Bina, Universiti Teknologi MARA (UiTM)